

07/11/2003

Pak Lah pun kaki pancing

Kamal Ahmad; Saufi Hamzah

SELAMA ini tidak ramai yang tahu antara hobi Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, ialah memancing ikan. Perkara ini diberitahu oleh ibunya, Datuk Kailan Hassan, ketika lintasan langsung TV3 kira-kira jam 3.35 petang selepas kira-kira lima minit Abdullah selesai acara perlantikan dan angkat sumpah sebagai Perdana Menteri di Istana Negara, 31 Oktober lalu. Kisah terperinci hobi beliau disiarkan akhbar tempatan, hari berikutnya.

Hobi memancing dipupuk sejak kecil. "Selepas bersekolah, dia kadang-kadang mengikut kawan-kawan pergi memancing di sawah," kata ibunya sambil memberitahu anaknya juga gemar memelihara ikan pelaga.

Bagi rakan sepermainan sejak berusia enam tahun, Che Ani Hashim, 65, beliau masih terngiang-ngiang suara ceria Abdullah yang seronok apabila jorannya yang diperbuat daripada buluh, ditarik ikan ketika memancing di sawah.

"Masa mengail, kejadian paling seronok ialah apabila ikan tarik kail dia (Abdullah), bila dapat ikan dia panggil kawan-kawan," katanya yang menceritakan kenangan memancing bersama Abdullah di kawasan sawah, Kampung Permatang Bertam, pada zaman kanak-kanak mereka.

Abdullah gemar memancing di sawah belakang rumah ibunya, ketika bersekolah rendah. Che Ani berkata, beliau, Abdullah dan rakan lain hanya menggunakan pancing buluh kerana waktu itu tidak ada joran seperti sekarang.

"Kita buat sendiri pancing itu," katanya.

Kesempatan memancing bersama Perdana Menteri adalah secara kebetulan cuti sekolah.

"Masa itu, ramai kawan-kawan yang bersama dia pergi memancing termasuk bekas Setiausaha Politiknya, Allahyarham Datuk Fatah Abdullah. Dia (Abdullah) gembira pada setiap kali pergi memancing kerana dia minat," katanya.

Antara ikan yang diperolehi Abdullah, kata Che Ani ialah haruan dan keli.

"Pak Lah masa itu, dia minat macam tu (memancing). Minat lain ada juga seperti main layang-layang ketika musim kering," katanya.

Kembali mengimbas lanjut zaman kanak-kanak bersama Perdana Menteri, Che Ani berkata, Abdullah sering menghabiskan masa lapang cuti sekolah memancing kerana waktu bersekolah dihabiskan sepenuhnya untuk belajar.

"Tetapi ketika sekolah menengah, dia dah jarang pergi kerana masa tidak ada. Sebelah petang dia pergi sekolah agama, masa pun terhad," katanya.

Che Ani yang juga mendapatkan pendidikan sekolah rendah bersama Abdullah di Sekolah Melayu Permatang Bertam berkata, mereka pernah mendapat ikan besar haruan kira-kira 4 kilogram.

"Dulu ikan bendang elok, air jernih, sekarang air campur racun dan baja. Dulu isi ikan manis tak ada bahan kimia dan pencemaran," katanya.

Sementara itu, menurut beberapa rakan dan pegawai, Abdullah sempat meluangkan masa memancing di laut dalam jika ada kelapangan. Beliau pernah memancing di sekitar perairan Pulau Besar, Melaka.

Malah ketika cuti Tahun Baru Cina awal tahun ini, Abdullah memancing dua hari di sekitar Pulau Pangkor dan gugusan Pulau Sembilan.

Kedua-dua gugusan pulau itu kaya dengan pelbagai spesies ikan seperti sagai, jenahak, kerapu dan ebek. Siapa sangka, ketahanan sebagai pemancing masih kekal apabila beliau mampu berada di dalam bot sehari semalam untuk memancing.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, juga seorang pemancing. Beliau memancing ketika ada kelapangan daripada tugas di kliniknya di Alor Star ketika itu, tetapi terpaksa mengekang keinginan menarik ikan ke atas bot apabila menjadi ahli politik.

Mungkin Abdullah dalam masa terdekat ini tidak dapat melangsaikan keinginan untuk memancing ikan kerana tugas dan tanggungjawab baru yang dipikul sebagai Perdana Menteri. Selepas keadaan lebih selesa, mungkin beliau sedia ke laut untuk memancing beberapa jam.

Abdullah juga mengisi masa lapang dengan bermain golf dan hobi itu memang sesuai dengan masa beliau yang ada sedikit terluang untuk beriadah dan mencari peluh.

Jika minggu lalu JORAN memaparkan album dan dunia pancing Tun Dr Mahathir, minggu ini, Abdulah mengisi ruang dengan aksi selepas mendapat ikan pisang (rainbow runner) ketika memancing di perairan Perth, Australia, dua tahun lalu. Berdasarkan saiznya, ikan itu dianggarkan lebih 12 kilogram.

Trip memancing itu dilakukan ketika bercuti bersama keluarga. Beliau turut memancing ikan belitung (dorado) bersaiz L dianggarkan melebihi 15 kilogram.